

BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)**CREDIT CARD-i CARDHOLDER AGREEMENT/ PERJANJIAN PEMEGANG KAD KREDIT-i**

In consideration of Bank Muamalat Malaysia Berhad [Company No 196501000376 (6175-W)] (hereinafter referred to as BMMB or "the Bank"), a licensed bank incorporated in and under the laws of Malaysia and having its registered office at Bank Muamalat Malaysia Berhad, Card Business Department, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur, Malaysia, agreeing to issue the Credit Card-i (as hereinafter defined) to the individual named (hereinafter referred to as "Cardholder" or "Customer") on the Credit Card-i at the Cardholder's request, the Cardholder hereby agrees, covenants and undertakes that signing on and/or use of the Credit Card-i shall constitute acceptance by the Cardholder of the following terms and conditions: / *Sebagai pertimbangan Bank Muamalat Malaysia Berhad [No Syarikat 196501000376 (6175-W)] (selepas ini dirujuk sebagai BMMB atau "pihak Bank"), sebuah bank berlesen yang diperbadankan di dalam dan di bawah undang-undang Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftar di Bank Muamalat Malaysia Berhad, Card Business Department, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur, Malaysia, bersetuju untuk menerbitkan Kad Kredit-i kepada individu yang dinamakan (selepas ini dirujuk sebagai "Pemegang Kad" atau "Pelanggan") pada Kad Kredit-i pada permintaan Pemegang Kad, Pemegang Kad dengan ini bersetuju, beraku janji dan mengaku bahawa menandatangani dan/atau penggunaan Kad Kredit-i ini akan menjadi penerimaan oleh Pemegang Kad bagi terma dan syarat berikut:*

These Terms & Conditions are intended to be read together with the Declaration and Terms & Conditions, Product Disclosure Sheet (PDS) for Credit Card-i, pamphlets, brochures or any other relevant terms & conditions issued by BMMB ("the Bank") which may be imposed from time to time according to the specific types of facilities bought by the Customer. / *Terma & Syarat ini bertujuan untuk dibaca bersama dengan Pengakuan dan Terma & Syarat, Risalah Pendedahan Produk (RPP) untuk Kad Kredit-i, risalah atau mana-mana terma & syarat lain yang berkaitan yang dikeluarkan oleh BMMB ("pihak Bank") boleh dikenakan dari semasa ke semasa mengikut jenis kemudahan tertentu yang dibeli oleh Pelanggan.*

1. DEFINITIONS / DEFINISI

"Account(s) or CASA" means the Customer(s)' account or accounts with the Bank and shall include any other new Savings Account-i or Current Account-i accounts which may be offered by the Bank from time to time. The products shall be governed by this Terms & Conditions. / *"Akaun atau ASAS" bermaksud akaun Pelanggan atau akaun bersama BMMB dan hendaklah termasuk mana-mana akaun Akaun Simpanan-i / Akaun Semasa-i baharu yang akan ditawarkan dari semasa ke semasa di bawah konsep Produk ini adalah tertakluk kepada Terma & Syarat.*

"Agency" refers to the appointment of BMMB by the Cardholder to conduct certain transactions and perform certain tasks on behalf of the Cardholder. / *"Agensi" merujuk kepada pelantikan BMMB oleh Pemegang Kad untuk menjalankan transaksi tertentu dan melakukan tugas tertentu bagi pihak Pemegang Kad.*

"ATM" means Automated Teller Machine, whether belonging to the Bank or other participating banks or financial institutions or VISA/Master Global ATM Network, or other affiliated network, in respect of which the Bank has a subsisting arrangement to allow the Cardholder to use the Card at such machine. / *"ATM" bermaksud Mesin Juruwang Berautomasi atau mesin yang dioperasikan oleh kad, sama ada milik Bank atau bank-bank lain atau institusi kewangan yang turut serta atau milik*

Rangkaian ATM Global Visa atau lain-lain rangkaian bersekutu, di mana pihak Bank mempunyai persetujuan untuk membenarkan pemegang kad menggunakan Kad di mesin tersebut.

"Authorised Cash Outlet" refer to any bank, ATM or outlet which are authorised to accept VISA or MasterCard or any other brand owners of which the Bank is a member for cash withdrawal. / **"Saluran Tunai yang Dibenarkan"** merujuk kepada mana-mana bank, ATM atau saluran yang dibenarkan untuk terima VISA atau MasterCard atau mana-mana pemilik jenama yang Bank merupakan ahli untuk pengeluaran tunai.

"BMMB or The Bank" means Bank Muamalat Malaysia Berhad and includes its branches and its successor-in-title and assigns. / **"BMMB atau Bank"** bermaksud Bank Muamalat Malaysia Berhad termasuk cawangan-cawangan serta penerima serah hak.

"BNM" means Bank Negara Malaysia. / **"BNM"** bermaksud Bank Negara Malaysia.

"Card" refers to the BMMB Credit Card-i issued by the BMMB to the existing and prospective Cardholders. / **"Kad"** merujuk kepada Kad Kredit-i BMMB yang dikeluarkan oleh BMMB kepada Pemegang Kad yang sedia ada dan yang akan datang.

"Cardholder or Customer" refers to the customer of the Bank or relevant member of its Group, who accesses, subscribes to and utilises the Credit Card-i Facility and other such services as provided by the Bank. The customer may be an individual Principal Cardholder or a Supplementary Cardholder. / **"Pemegang Kad atau Pelanggan"** merujuk kepada pelanggan pihak Bank atau ahli Kumpulan yang berkaitan, yang mendapat akses, melanggan dan menggunakan Kemudahan Kad Kredit-i dan lain-lain perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank. Pelanggan boleh menjadi Pemegang Kad Utama atau Pemegang Kad Tambahan

"Contactless Transaction" references the fast and easy payment method that uses radio-frequency identification (RFID) for making payment by tapping/waving the Card over a secured reader. / **"Transaksi Tanpa Hubungan"** merujuk kepada kaedah pembayaran yang cepat dan mudah yang menggunakan pengenalan frekuensi radio (RFID) bagi membuat pembayaran hanya dengan menyentuh/melayangkan Kad Debit di hadapan peranti bacaan yang selamat.

"Expiry Date" is the expiry date of the Card as printed onto the Card. / **"Tarikh Tamat"** adalah tarikh tamat Kad seperti yang dicetak di atas Kad

"Family Members" shall refer to immediate family members. This will encompass parents, children, siblings and/or spouses only. / **"Ahli Keluarga"** merujuk kepada ahli keluarga terdekat. Ini merangkumi ibu bapa, anak, saudara kandung dan / atau pasangan sahaja.

"Force Majeure" refer to an event where the Bank is unable to perform any operations or to provide any services due to any reason beyond the Bank's control, including but not limited to fire, earthquake, flood, epidemic, natural catastrophe, accident, riots, civil disturbances, industrial dispute, act of public enemy, embargo, war, act of God or any factor in a nature of a force majeure or any failure or disruption to telecommunication, electricity, water, fuel supply, where the Bank shall not in any way be liable for any inconvenience, loss, injury, damages suffered or incurred by the Customer arising from the same. / **Force Majeure** merujuk kepada keadaan dimana pihak Bank tidak dapat melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan disebabkan oleh mana-mana keadaan yang di luar kawalan pihak Bank ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, bencana alam semulajadi, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian industri, perbuatan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor bersifat force majeure atau sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, elektrik, air, bekalan bahan api, yang mana pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara ke atas sebarang kesulitan, kehilangan, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang timbul daripada sebab yang sama.

"ID Information" refers to the information pertaining to the type and number of the User ID as required to be keyed in by the Customer for verification by the Bank's system prior to the activation of the Internet Banking Service for the Customer's access. / *"Maklumat ID" merujuk kepada maklumat yang berkaitan dengan jenis dan nombor ID Pengguna yang dikehendaki dan dimasukkan oleh Pelanggan untuk pengesahan oleh sistem Bank sebelum pengaktifan Perkhidmatan Perbankan Internet untuk akses Pelanggan.*

"Instruction(s)" means any request, instruction, application and authorisation pertaining to the Accounts and/or Services communicated in whatever form given or transmitted thru the computer Internet systems, mobile devices or any other available electronic or non-electronic medium, based on the use of the applicable Access Codes and unless inconsistent with the context in which it is used, shall include such instructions as may be communicated by the Customer to the Bank thru any other methods which pertains to the Bank's Internet Banking Service, including instructions in the form of files containing multiple instructions relating to several transactions. / *"Arahan" bermaksud apa-apa permintaan, arahan, permohonan dan kebenaran yang berkaitan dengan Akaun dan / atau Perkhidmatan yang disampaikan dalam apa jua bentuk yang diberikan atau dihantar melalui sistem Internet komputer, peranti mudah alih atau mana-mana medium elektronik atau bukan elektronik yang lain yang berasaskan penggunaan Kod Akses yang berkenaan dan melainkan jika tidak konsisten dengan konteks di mana ia digunakan, hendaklah termasuk arahan sebagaimana yang disampaikan oleh Pelanggan kepada pihak Bank melalui apa-apa kaedah lain yang berkaitan dengan Perkhidmatan Perbankan Internet Bank, termasuk arahan dalam bentuk fail yang mengandungi pelbagai arahan yang berkaitan dengan beberapa transaksi*

"Internet" means global network of information that is transmitted to the computers and devices which facilitate the telecommunications systems. / *"Internet" bermaksud rangkaian maklumat global yang dihantar ke komputer dan peranti yang memudahkan sistem telekomunikasi.*

"Internet Banking Service known as *"i-muamalat"* refers to the *i-muamalat* services or the Bank's internet banking service (as the context may require) made available by the Bank comprised, inter alia, the service, which may be accessed by the Customer thru the Internet, Mobile Devices or any other electronic medium approved by the Bank, in accordance with these Terms and Conditions. / *"Perkhidmatan Perbankan Internet yang dikenali sebagai "i-muamalat" merujuk kepada perkhidmatan i-muamalat atau perkhidmatan perbankan internet Bank (sebagaimana yang dikehendaki oleh konteks) disediakan oleh Bank yang termasuk, antara lain, perkhidmatan yang boleh diakses oleh Pelanggan melalui Internet, Peranti Mudah Alih atau mana-mana medium elektronik lain yang diluluskan oleh Bank, selaras dengan Terma dan Syarat ini*

"Month" is a Gregorian calendar month. / *"Bulan" adalah bulan kalendar Gregorian.*

"One Time Password ("OTP")" or "Transaction Authorisation Code ("TAC")" (whichever is applicable) means the code delivered to the Cardholder's mobile device, which must be entered to verify the identity of the Cardholder and/or authorize specific transactions of the Cardholder. / *"Kata Laluan Sekali Guna ("OTP") atau "Kod Kebenaran Transaksi ("TAC") (mana-mana yang berkenaan) merujuk kepada kod yang dihantar kepada peranti mudah alih Pemegang Kad, yang perlu dimasukkan untuk mengesahkan identiti Pemegang Kad dan/atau memberi kuasa kepada transaksi tertentu oleh Pemegang Kad.*

"Password" refers to a unique string of character created by the Customer (as may be changed by the Customer from time to time) for the activation and subsequent access to the Bank's Internet Banking Service. / *"Kata Laluan" merujuk kepada karakter unik yang dicipta oleh Pelanggan (seperti yang diubah oleh Pelanggan dari masa ke semasa) untuk pengaktifan dan akses seterusnya kepada Perkhidmatan Perbankan Internet Bank.*

"PIN" refers to the Personal Identification Number; a number code assigned by the Bank or determined by the Cardholder to enable the Cardholder to avail to certain Services

related to the usage of Card. Cardholder is advised not to use date of birth, Identity card number or mobile number as PIN. / *"PIN" merujuk kepada Nombor Pengenalan Peribadi yang dikeluarkan oleh pihak Bank atau ditentukan oleh Pemegang Kad bagi membolehkan Pemegang Kad untuk menggunakan perkhidmatan tertentu yang berkaitan dengan penggunaan Kad. Pemegang Kad adalah dinasihatkan untuk tidak menggunakan tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor telefon bimbit sebagai nombor PIN.*

"Purchase Price" refers to the price of the commodity purchased from the commodity seller. This amount is equivalent to the Cardholder's approved credit limit. / *"Harga Belian" merujuk kepada harga komoditi yang dibeli daripada penjual komoditi. Jumlah ini bersamaan dengan had kredit yang diluluskan oleh Pemegang Kad.*

"Selling Price" refers to the sale price of the commodity by the Bank to the Cardholder. It comprises the principal and profit which shall be due to the Bank as per the facility's terms. / *"Harga Jualan" merujuk kepada harga jualan komoditi oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad. Ia terdiri daripada prinsipal dan keuntungan yang perlu dibayar kepada Bank mengikut syarat kemudahan.*

"Service(s)" refers to the Bank's products and services as the context may require made available to the Customer and as may be added or changed, from time to time. / *"Perkhidmatan" merujuk kepada produk dan perkhidmatan Bank yang diperlukan oleh konteks yang disediakan kepada Pelanggan dan seperti yang mungkin ditambah atau diubah, dari semasa ke semasa.*

"Terms & Conditions (T&C)" means the terms and conditions set out in this document and shall include any amendments, variations and supplements made from time to time by BMMB with prior notice and shall apply to all accounts unless specific account type terms to the contrary apply./ *"Terma dan Syarat" bermaksud terma dan syarat yang ditetapkan di sini dan termasuk mana-mana pindaan, perubahan dan tambahan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh pihak Bank beserta notis hendaklah terpakai kepada semua jenis akaun melainkan jika dinyatakan terma jenis akaun yang sebaliknya diguna pakai.*

"Transaction" means Banking transaction transacted or capable of being transacted by the use or without the use of the Card (inclusive of contactless) and shall include either withdrawal, purchase, payment, fund transfer, balance inquiry, deposits (of cash or cheque), settlement of credit account, cheque book request, statement request, bill payment and any other electronic banking services as the Bank shall offer or introduce from time to time./ *"Transaksi" Urus Niaga perbankan yang dilakukan atau boleh dilakukan dengan atau tanpa menggunakan Kad (termasuk tanpa sentuh) dan akan termasuk sama ada pengeluaran, pembayaran, pemindahan wang, pertanyaan baki, deposit (wang Tunai atau cek), penyelesaian akaun kredit, permintaan buku cek, permintaan penyata kewangan, bayaran bil dan sebarang khidmat perbankan elektronik lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.*

2. GENERAL INFORMATION OF CREDIT CARD-i / MAKLUMAT UMUM KREDIT KAD-i

- 2.1 The Credit Card-i ("the Card") issued by Bank Muamalat Malaysia Berhad ("the Bank" or "BMMB") employs the Shariah concept of *Tawarruq*, which comprises of Commodity *Murabahah* transaction to the customer ("the Cardholder") from the Bank to avail a credit limit equivalent to the Cardholder's commodity purchase price. In addition to the credit limit availed under *Tawarruq*, the Cardholder shall be entitled to privileges and services for the utilisation of the Credit Card-i. The services include benefits, privileges and other such value-added offerings granted by the Bank as determined by the Bank./ *Kad Kredit-i ("Kad") yang dikeluarkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad ("Bank" atau "BMMB") menggunakan konsep Syariah Tawarruq, yang terdiri daripada transaksi Komoditi Murabahah kepada pelanggan ("Pemegang*

Kad") daripada Bank untuk mendapatkan had kredit yang bersamaan dengan harga pembelian komoditi Pemegang Kad. Sebagai tambahan kepada had kredit yang ditawarkan di bawah Tawarruq, Pemegang Kad berhak mendapat keistimewaan dan perkhidmatan untuk penggunaan Kad Kredit-i. Perkhidmatan ini termasuk faedah, keistimewaan dan lain-lain tawaran nilai tambah yang diberikan oleh Bank seperti yang ditentukan oleh Bank.

- 2.2 The credit card limit granted to the customer employs the Shariah concept of *Tawarruq*, whereby the Bank shall avail an amount up to the specified limit to the Cardholder and the Cardholder shall be bound to repay an equivalent amount to the Bank plus the Bank's profit (if any) as per the commodity selling price./ *Had kad kredit yang diberikan kepada pelanggan menggunakan konsep Syariah Tawarruq, di mana Bank akan memperoleh sejumlah amaun sehingga had yang ditetapkan kepada Pemegang Kad dan Pemegang Kad terikat untuk membayar jumlah yang sama kepada Bank ditambah keuntungan Bank (jika ada) berdasarkan harga jualan komoditi.*
- 2.3 The Cardholder agrees that, during its currency and subject to the Terms and Conditions herein as stipulated and modified by the Bank from time to time, the Card shall entitle the Cardholder to Services with the Bank within the limit prescribed by the Bank and other such banking facilities provided to the Cardholder from time to time, subject to the Banks express approval./ *Pemegang Kad bersetuju bahawa, dalam mata wangnya dan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan diubahsuai oleh pihak Bank dari semasa ke semasa, Kad tersebut akan memberi hak kepada Pemegang Kad kepada Perkhidmatan dengan Bank sehingga had yang ditetapkan oleh pihak Bank dan kemudahan perbankan lain-lain yang disediakan kepada Pemegang Kad dari semasa ke semasa, tertakluk kepada kelulusan Bank.*
- 2.4 Services extended by the Bank shall cease to be available on the stated expiry date, except the Bank has extended the duration from year to year or for any other period as the Bank deems fit, and any other amounts due under the services and this Agreement up to the expiry and/or termination date of the Card shall become fully payable./ *Perkhidmatan yang dilanjutkan oleh pihak Bank hendaklah terhenti pada tarikh tamat yang dinyatakan, kecuali jika Bank telah memanjangkan tempoh dari tahun ke tahun atau untuk apa-apa tempoh lain sebagaimana yang dianggap wajar oleh pihak Bank, dan apa-apa jumlah lain yang perlu dibayar di bawah perkhidmatan dan Perjanjian ini sehingga tamat tempoh dan / atau tarikh penamatan Kad akan dibayar sepenuhnya.*
- 2.5 The Cardholder also agrees that the services made available to the Cardholder during the tenor of the Card (including any renewed tenor) include, but are not limited to, the following: / *Pemegang Kad juga bersetuju bahawa perkhidmatan yang disediakan kepada Pemegang Kad semasa tempoh Kad (termasuk mana-mana tempoh yang diperbaharui) termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:*
 - a) The facilitation of purchasing Halal goods and services from authorized Merchants; and/or / *Kemudahan membeli barang dan perkhidmatan Halal dari Peniaga sah; dan/atau*
 - b) The facilitation of cash withdrawals; and/or / *Kemudahan pengeluaran wang tunai; dan/atau*
 - c) The operation of various banking accounts opened for the Cardholder which relate to the use of the Card; and/or / *Pengendalian pelbagai akaun perbankan dibuka kepada Pemegang Kad yang berkaitan dengan penggunaan Kad; dan/atau*
 - d) The facilitation of any programs or services made available by BMMB from time to time; / *Mana-mana kemudahan untuk program atau perkhidmatan yang disediakan oleh BMMB dari semasa ke semasa;*

2.6 BMMB always reserves the right, with provision of adequate notice (except for occurrences as per 17.1.1 below), to end, cease, terminate, otherwise change or provide any services, benefits and privileges of the Card. / *BMMB sentiasa berhak, dengan memberi notis yang wajar (kecuali jika berlaku keadaan seperti dalam 17.1.1. di bawah), untuk menamatkan, menghentikan, mengubah atau memberikan apa-apa perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan Kad.*

3. STRUCTURE OF THE CREDIT CARD-i FACILITY UNDER TAWARRUQ / STRUKTUR KEMUDAHAN KAD KREDIT-i DI BAWAH TAWARRUQ

3.1 Under the Shariah concept of *Tawarruq*, the Bank offers the Credit Card-i facility and avails the Cardholder a prescribed credit limit by executing the following: / *Di bawah konsep Syariah Tawarruq, Bank menawarkan kemudahan Kad Kredit-i kepada Pemegang Kad dan memanfaatkan Pemegang Kad dengan penetapan had kredit dengan melaksanakan berikut:*

a) **Conduct Commodity Murabahah / Pelaksanaan Komoditi Murabahah**

(i) The customer applies for credit card-i financing from BMMB by entering into a binding promise (*Wa`d Mulzim*) for an asset requisition to purchase the commodity from BMMB. The customer will issues a Purchase Requisition (which is irrevocable on issuance) to BMMB. The document comprises the following elements: / *Pelanggan memohon pembiayaan kad kredit-i daripada BMMB dengan mengikat janji (Wa`d Mulzim) untuk permintaan aset untuk membeli komoditi daripada BMMB. Pelanggan akan mengeluarkan Permintaan Pembelian (yang tidak dapat dibatalkan daripada terbitan) kepada BMMB. Dokumen ini terdiri daripada unsur-unsur berikut:*

(1) Purchase Request, to the effect that the customer requests to purchase the underlying commodity from the Bank; / *Permintaan Belian, memandangkan permintaan pelanggan untuk membeli komoditi asas daripada pihak Bank;*

(2) Undertaking To Purchase (*Wa`d Mulzim*), to the effect that the customer undertakes to purchase the underlying commodity from the Bank at the Selling Price upon the Bank having purchased the said underlying commodity from a commodity trader (i.e. first trader); and / *Akujanji untuk Belian (Wa`d Mulzim), untuk memberi kesan bahawa pelanggan berjanji untuk membeli komoditi daripada pihak Bank pada Harga Jualan apabila pihak Bank telah membeli komoditi tersebut dari peniaga komoditi (iaitu peniaga pertama);*

(3) Agency To Conclude Purchase, to the effect that the customer will appoint the Bank as his/her restricted agent (restricted *Wakalah*) to conclude the purchase of the underlying commodity from the Bank and subsequently to enter into the *Murabahah* Sale Contract (on his/her behalf) with the Bank. The customer will also execute and deliver a Letter of Agency to BMMB whereby the Customer will appoint BMMB as his agent (under *Wakalah* concept) to sell the underlying commodity to another commodity trader (i.e. second trader) upon conclusion of the *Murabahah* Sale Contract. / *Agensi Untuk Menyelesaikan Belian, untuk memberi kesan bahawa pelanggan akan melantik pihak Bank sebagai ejen terhadnya (Wakalah terhad) untuk membuat pembelian komoditi daripada pihak Bank dan kemudiannya memasuki Kontrak Jualan Murabahah (bagi pihaknya) dengan pihak Bank. Pelanggan juga akan melaksanakan dan menyampaikan Surat Agensi kepada BMMB di mana Pelanggan akan melantik BMMB sebagai ejennya*

(di bawah konsep Wakalah) untuk menjual komoditi asas kepada peniaga komoditi lain (iaitu peniaga kedua) apabila Kontrak Jualan Murabahah dimuktamadkan.

- (ii) Upon receipt by BMMB of the Purchase Requisition from the customer and pursuant to the purchase request, BMMB will purchase the underlying commodity from a commodity trader at the cost price of the underlying commodity which shall be an amount equivalent to the financing amount i.e. the credit limit. The commodity trader will deliver the underlying commodity evidenced by the certificate together with the delivery order as evidence for the transfer of ownership to the Bank. / *Apabila diterima oleh BMMB dari Permintaan Pembelian daripada pelanggan dan menurut permintaan pembelian tersebut, BMMB akan membeli komoditi dari peniaga komoditi dengan harga kos komoditi yang menjadi jumlah yang bersamaan dengan jumlah pembiayaan iaitu had kredit. Peniaga komoditi akan menyerahkan komoditi bersama sijil sebagai bukti penghantaran untuk pemindahan pemilikan kepada Bank.*
- (iii) Pursuant to the undertaking to purchase (*Wa'd Mulzim*), the Bank will then sell the underlying commodity to the customer at the Selling Price based on the Murabahah concept (Commodity Cost + Profit Margin) which shall be payable by the customer to the Bank by way of instalments, deferred payment, or any other method in accordance with the manner as prescribed by the Bank. Pursuant also to the agency to conclude purchase, the Bank (as customer's representative to accept on customer's behalf) will then conclude the purchase of the underlying commodity from the Bank and enter into the Murabahah Sale contract. / *Selaras dengan Akujanji untuk Belian (Wa'd Mulzim), Bank akan menjual komoditi tersebut kepada pelanggan dengan Harga Jualan berdasarkan konsep Murabahah (Kos Komoditi + Margin Keuntungan) yang akan dibayar oleh pelanggan kepada Bank dengan cara ansuran, pembayaran tertunda, atau apa-apa cara lain mengikut cara yang ditetapkan oleh Bank. Selaras juga dengan agensi untuk memuktamadkan pembelian, Bank (sebagai wakil pelanggan untuk menerima atas nama pelanggan) akan memuktamadkan pembelian komoditi yang mendasari dari Bank dan memasuki kontrak Jualan Murabahah.*
- (iv) The Murabahah contract concluded and the Customer appoint the Bank as an agent to sell the commodity to the second trader. / *Kontrak Murabahah dimuktamadkan dan Pelanggan melantik Bank sebagai ejen untuk menjual komoditi itu kepada rakan niaga kedua.*
- (v) Upon conclusion of step four (iv) above and pursuant to the Letter of Agency, the Bank will then sell the underlying commodity to the second commodity trader at the Commodity Cost. / *Apabila tamatnya langkah (3) di atas dan selaras dengan Surat Agensi, maka Bank akan menjual komoditi kepada rakan niaga komoditi kedua pada Kos Komoditi.*
- (vi) The Bank will then disburse (or otherwise make available) the sale proceeds, which will be an amount equivalent to the Financing Amount (the credit limit), received from such sale, into a designated account of the Customer. / *Bank akan membuat pembayaran (atau sebaliknya menyediakan) hasil jualan, yang akan menjadi amaun yang bersamaan dengan Amaun Pembiayaan (had kredit), yang diterima daripada penjualan sedemikian, ke dalam akaun yang ditetapkan oleh Pelanggan.*

b) **Transactions Confirmation / Pengesahan Transaksi**

The Cardholder may request BMMB to issue a Transaction Confirmation upon completion of the commodity sale to the commodity purchaser. / *Pemegang Kad boleh meminta BMMB untuk mengeluarkan Pengesahan Transaksi setelah selesai penjualan komoditi kepada pembeli komoditi.*

c) **Commodity delivery / Penghantaran Komoditi**

The Cardholder is entitled to take delivery of the purchased Commodity upon explicit request. The Cardholder must solely bear all costs and expenses incurred for the delivery and subsequent transfer of ownership. / *Pemegang Kad berhak mengambil penghantaran Komoditi yang dibeli atas permintaan yang jelas. Pemegang Kad perlu menanggung semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung untuk penghantaran dan pemindahan pemilikan berikutnya.*

d) **Ibra` (rebate by the Bank on the profit as per the Selling Price) / Ibra` (rebat oleh Bank atas keuntungan seperti Harga Jualan)**

BMMB may grant Ibra` (rebate) on any portion of the profit as per the Selling Price to the Cardholder in the event of settlement and termination of the Credit Card-i. / *BMMB boleh memberikan ibra` (rebat) ke atas mana-mana bahagian keuntungan seperti Harga Jualan kepada Pemegang Kad sekiranya berlaku penyelesaian dan penamatan Kad Kredit-i.*

e) **Regarding Financing Proceeds (Unutilised credit limit) / Berkenaan Hasil Pembiayaan (Had Kredit Tidak Digunakan)**

The Cardholder agrees to deposit the sale proceeds of the Commodity as a profit free financing under the principle of Qard to BMMB and utilise the placement sum for the BMMB Credit Card-i usage purpose. The Cardholder agrees that the collection of the Commodity sales proceeds will be controlled by the Bank based on the principle of Qard, provided that the amount is not used by the Cardholder. / *Pemegang Kad bersetuju untuk meletakkan hasil jualan komoditi sebagai pinjaman kepada BMMB tanpa sebarang faedah berdasarkan konsep Qard di mana amaun tersebut boleh digunakan semasa penggunaan Kad Kredit-i BMMB. Pemegang Kad bersetuju, hasil jualan komoditi akan dikawal oleh Bank berasaskan prinsip Qard selagimana ia tidak digunakan oleh Pemegang Kad.*

4. AGENCY / AGENSI

4.1 The Cardholder shall appoint the BMMB as his/her agent to execute Purchase and Sale on his/her behalf. The appointment shall be unconditional and irrevocable by the Cardholder. BMMB shall perform the Purchase of the commodity from BMMB unto the Cardholder as an agent to conclude the Purchase on behalf of the Cardholder. BMMB shall also perform the commodity Sale to the commodity purchaser on the Cardholder's behalf. / *Pemegang Kad akan melantik BMMB sebagai ejennya untuk melaksanakan Pembelian dan Penjualan bagi pihaknya. Perlantikan itu tidak bersyarat dan tidak boleh dibatalkan. BMMB akan melaksanakan Pembelian komoditi daripada BMMB kepada Pemegang Kad sebagai ejen untuk membuat kesimpulan Pembelian bagi pihak Pemegang Kad. BMMB juga akan melaksanakan Jualan komoditi kepada pembeli komoditi atas nama Pemegang Kad.*

4.2 The agency appointment of BMMB by the Cardholder shall take effect from the date of appointment and shall apply and suffice for any renewal or changes to the limit of the facility. /

Agensi pelantikan BMMB oleh Pemegang Kad akan berkuatkuasa dari tarikh pelantikan dan akan terpakai dan cukup untuk sebarang pembaharuan atau perubahan pada had kemudahan tersebut.

- 4.3 The Cardholder authorizes BMMB to execute and deliver any documents or instruments as deemed necessary by BMMB for the performance of its obligations under the Tawarruq process. / *Pemegang Kad memberi kuasa kepada BMMB untuk melaksanakan dan menyerahkan sebarang dokumen atau instrumen yang dianggap perlu oleh BMMB untuk melaksanakan tanggungjawabnya di bawah proses Tawarruq.*
- 4.4 BMMB shall, to the best of its efforts, ensure that the proceeds of the commodity sale to the commodity purchaser equate the specified Purchase Price. / *BMMB hendaklah, membuat yang terbaik, memastikan bahawa hasil penjualan komoditi kepada pembeli komoditi bersamaan dengan Harga Jualan yang dinyatakan.*
- 4.5 The Cardholder agrees that BMMB's arrangements with the commodity purchaser or any other suppliers or relevant third parties may require BMMB to disclose the fact that BMMB is acting as an agent of the Cardholder and to name the Cardholder as its principal. / *Pemegang Kad bersetuju bahawa susunan BMMB dengan pembeli komoditi atau mana-mana pembekal yang lain atau pihak ketiga yang berkaitan mungkin memerlukan BMMB untuk mendedahkan fakta bahawa BMMB adalah sebagai ejen kepada Pemegang Kad dan menamakan Pemegang Kad sebagai Utamanya.*
- 4.6 The Cardholder acknowledges and agrees to setup and maintain an account(s) with BMMB with which BMMB is authorized to operate on behalf of the Cardholder. / *Pemegang Kad mengakui dan bersetuju untuk membuka dan mengekalkan akaun bersama BMMB dimana BMMB berkuasa untuk beroperasi bagi pihak Pemegang Kad.*
- 4.7 BMMB affirms that the proceeds of the sale of commodities to the commodity purchaser are to be credited to the Cardholder's card account in the form of the approved card limit and that the Cardholder shall perform/suffice all necessary requirements to effect the provisions of this Cardholder Agreement. / *BMMB mengesahkan bahawa hasil penjualan komoditi kepada penjual komoditi adalah untuk dikreditkan kepada akaun kad Pemegang Kad di dalam bentuk had kad yang diluluskan dan Pemegang Kad hendaklah melaksanakan/mencukupkan semua keperluan yang diperlukan untuk peruntukan perjanjian Pemegang Kad.*
- 4.8 BMMB shall act solely as an agent of the Cardholder on a restricted limited basis to the extent expressly defined herein only and not be regarded an agent for any other purpose. / *BMMB hendaklah bertindak sebagai ejen Pemegang Kad semata-mata atas dasar terhad setakat yang ditakrifkan secara nyata di sini sahaja dan tidak dianggap sebagai ejen untuk maksud lain.*
- 4.9 Any of the expenses, fees and commissions that have not been ascertained and invoiced to BMMB by the commodity purchaser by the time that the Cardholder incurs the obligation to make the payment of the BMMB's Sale Price, then such expenses, fees and commissions shall become due and payable by the Cardholder to BMMB upon BMMB receiving the appropriate invoice therefore from the commodity purchaser, as relevant, and upon BMMB then providing the appropriate invoice therefore to the Cardholder. / *Apa-apa perbelanjaan, yuran dan komisen yang belum ditentukan dan invois kepada BMMB daripada pembeli komoditi pada masa Pemegang Kad menanggung kewajipan untuk membuat pembayaran kepada Harga Jualan BMMB, maka perbelanjaan, yuran dan komisen tersebut hendaklah menjadi wajar dan boleh dibayar oleh Pemegang Kad kepada BMMB setelah menerima invois yang sepatutnya seterusnya*

daripada pembeli komoditi, yang sepatutnya setelah BMMB menyediakan invoice yang sewajarnya kepada Pemegang Kad.

5. PAYMENT OF THE SELLING PRICE TO THE BANK / BAYARAN HARGA JUALAN KEPADA PIHAK BANK

- 5.1 BMMB's Sale Price or part thereof which may remain unpaid shall be paid by the Cardholder in accordance with the Card Statement issued on the payment due date or any other amount stated therein. The amount(s) stated in the Card Statement shall be due and payable by the Cardholder to BMMB. Payments made to the Card facility shall be deemed as satisfaction of BMMB's Sales Price or part thereof. / *Harga Jualan BMMB atau bahagian yang mungkin masih belum dibayar hendaklah dibayar oleh Pemegang Kad berdasarkan Penyata Kad yang dikeluarkan pada tarikh akhir pembayaran atau apa-apa amaun yang dinyatakan disini. Amaun yang dinyatakan di dalam Penyata Kad hendaklah diterima dan boleh dibayar oleh Pemegang Kad kepada BMMB. Bayaran yang dibuat kepada kemudahan Kad hendaklah dianggap sebagai memenuhi Harga Jualan BMMB atau sebahagian darinya.*
- 5.2 The Cardholder shall pay BMMB the minimum payment amount due or up to the outstanding balance upon receipt of the Card Statement on or before the Payment Due Date as per the Card Statement. / *Pemegang Kad hendaklah membuat bayaran minimum atau sehingga baki tertunggak kepada BMMB apabila menerima Penyata Kad pada atau sebelum tarikh akhir pembayaran seperti yang dinyatakan pada Penyata Kad tersebut.*
- 5.3 All payments must be made in the billing currency as stated in the Card Statement. Payments shall only be considered to have been made only upon relevant payments have been received for value by BMMB. All payments made thru outstation cheques shall include the relevant Inland Exchange Commission, where applicable, failing which, BMMB shall debit the Cardholder's account for the same. / *Semua bayaran hendaklah dibuat di dalam bentuk mata wang seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Kad. Pembayaran yang dibuat akan dipertimbangkan hanya atas pembayaran yang diterima untuk dinilai oleh BMMB. Semua bayaran yang dibuat melalui cek luar hendaklah disertai dengan Pertukaran Komisen Dalam yang berkaitan, di mana berkenaan, yang gagal, BMMB hendaklah debit ke akaun Pemegang Kad yang sama*
- 5.4 BMMB shall retain the liberty to apply all or any such payment in other manners as BMMB deems fit and expedient. / *BMMB berhak mengekalkan kebebasan untuk menggunakan semua atau sebarang pembayaran dalam cara lain sebagaimana yang dianggap sesuai dan wajar.*
- 5.5 Acceleration of Payment - BMMB shall, subject to prior notification demand the acceleration of a sum or part of the total payment for settlement of the facility or the outstanding Sale Price of BMMB by during the tenor or after maturity of the facility in the following events: / *Pencepatan Pembayaran - BMMB, tertakluk pada notis terlebih dahulu, membuat arahan untuk mempercepatkan jumlah atau sebahagian daripada jumlah bayaran untuk menyelesaikan kemudahan atau Harga Jualan BMMB yang tertunggak semasa tempoh atau selepas kematangan kemudahan tersebut berdasarkan keadaan yang berikut:*
 - a) Representation made by the Cardholder is negated due to any circumstances; / *Perwakilan yang dibuat oleh Pemegang Kad diabaikan disebabkan oleh apa-apa keadaan;*
 - b) Any representation or warranty made by the Cardholder is deem incorrect or misleading in any respect on the date deemed made. / *Mana-mana perwakilan atau jaminan yang dibuat*

oleh Pemegang Kad dianggap salah atau mengelirukan di dalam apa-apa perkara pada tarikh yang dibuat;

- c) There is a breach of the Cardholder Agreement and/or Terms and Conditions; and/or / *Terdapat pelanggaran Perjanjian Pemegang Kad dan / atau Terma dan Syarat; dan / atau*
- d) Any other event BMMB determines necessary which can cause material adverse effect to the financial condition of the Cardholder, specifically regarding the Cardholder's ability to perform its obligations under the facility including minimum payment. / *Sebarang acara lain yang ditentukan perlu oleh BMMB yang boleh menyebabkan kesan buruk terhadap keadaan kewangan Pemegang Kad, terutamanya berkenaan kemampuan Pemegang Kad untuk melaksanakan tanggungjawabnya di bawah kemudahan termasuk bayaran minimum.*

6. APPLICATION AND ACCEPTANCE / PERMOHONAN DAN PENERIMAAN

- 6.1 An application to apply for the Card must be made in person by using the forms provided by the Bank and subject to the Bank's requirement, such as age requirement, references and supporting documents as specified by the Bank. The Bank may vary such requirement(s) from time to time. / *Permohonan untuk memohon Kad hendaklah dibuat sendiri menggunakan borang yang disediakan oleh pihak Bank dan tertakluk kepada syarat-syarat Bank, seperti keperluan umur, rujukan dan dokumen sokongan seperti yang ditentukan oleh pihak Bank. Pihak Bank mungkin akan mengubah keperluan tersebut dari semasa ke semasa.*
- 6.2 The Bank may refuse any Card application with provision of reason. The operation of the Card shall be entirely at the discretion of the Bank. / *Pihak Bank berhak untuk menolak mana-mana permohonan Kad dengan memberi sebab. Operasi Kad hendaklah mengikut budi bicara Bank sepenuhnya.*
- 6.3 BMMB issues the Principal Card to the Principal Cardholder and any Supplementary Cards to any designated Supplementary Cardholders with the Principal Cardholder agreeing to abide by and cause all relevant Supplementary Cardholders to abide by the Terms and Conditions and Declaration, the Terms and Conditions of this Agreement, and any other Terms and Conditions as amended and/or added as BMMB may, prescribe from time to time. / *BMMB mengeluarkan Kad Utama kepada Pemegang Kad Utama dan mana-mana Kad Tambahan kepada mana-mana Pemegang Kad Tambahan bersama-sama Pemegang Kad Utama bersetuju untuk mematuhi dan menyebabkan semua Pemegang Kad Tambahan yang berkaitan untuk mematuhi Terma dan Syarat dan Pengisytiharan, Perjanjian Terma dan Syarat ini, dan mana-mana Terma dan Syarat seperti yang dipinda dan/atau ditambah oleh BMMB, yang ditetapkan dari semasa ke semasa.*
- 6.4 The Cardholder neither shall not transfer or otherwise part with the control or possession of the Card nor use it for any purpose unauthorized by BMMB. / *Pemegang Kad tidak boleh memindah atau sebaliknya dengan bahagian kawalan atau pemilikan Kad tersebut atau menggunakannya untuk sebarang tujuan yang tidak dibenarkan oleh BMMB.*
- 6.5 The Cardholder undertakes not to disclose the Personal Identification Number (PIN) allocated by the Bank to him/her upon the issuance of the Card to any person, failing which the Cardholder shall be liable to the Bank for any debit entry in his/her Card Account with the Bank arising from any unauthorized transaction. / *Pemegang Kad berakujanji untuk tidak mendedahkan Nombor Pengenalan Peribadi ("PIN") yang diperuntukkan oleh pihak Bank kepada beliau semasa Kad dikeluarkan kepada mana-mana orang, yang mana jika gagal Pemegang Kad bertanggungjawab*

kepada Bank ke atas mana-mana kemasukan debit ke dalam Akaun Kadnya dengan Bank yang timbul daripada mana-mana transaksi yang tidak dibenarkan.

- 6.6 The use of the Card is restricted to the Cardholder(s) to whom the Card(s) is/are issued for use at designated Merchants, ATMs, banks and financial institutions authorized to accept VISA Cards (as the case may be) as a mode of payment. On receipt of the Card, the Cardholder shall immediately sign at the relevant signature panel on the Card. By using the Card, the Cardholder agrees to be fully bound by the Terms & Conditions herein set out. / *Penggunaan kad adalah dihadkan kepada Pemegang Kad dimana Kad dikeluarkan untuk kegunaan Rakan Niaga, ATM, bank dan institusi kewangan yang diberi kuasa untuk menerima Kad VISA (mengikut mana-mana kes yang berkenaan) sebagai cara pembayaran. Sebaik sahaja menerima Kad, Pemegang Kad perlu segera menandatangani panel tandatangan pada Kad. Dengan menggunakan Kad, Pemegang Kad bersetuju untuk terikat sepenuhnya dengan syarat dan peraturan yang dinyatakan.*
- 6.7 The Bank has the right to cancel any Cards as the Bank may determine subject to conditions stated in clause 17 below, and the Cardholder shall surrender such cancelled Card to the Bank. / *Pihak Bank mempunyai hak untuk membatalkan mana-mana Kad tertakluk kepada keadaan yang dinyatakan dalam klausa 17 di bawah, dan Pemegang Kad perlu menyerahkan semula Kad yang telah dibatalkan tersebut kepada pihak Bank.*
- 6.8 In the event that the Cardholder does not wish to be bound by these Terms and Conditions, the Cardholder shall immediately return the Card to the Bank cut in half with written notice that he/she is returning the Card for cancellation provided always that the Cardholder shall continue to be bound by and be liable under the Terms and Conditions of this Agreement until the Principal and Supplementary Card are received by the Bank and duly cancelled. Notwithstanding the cancellation of the Card, the Cardholder shall also continue to be liable for all obligations incurred prior to such cancellation as well as for any and/or all antecedent breaches of this Agreement. / *Sekiranya Pemegang Kad tidak berniat untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini, Pemegang Kad hendaklah segera mengembalikan Kad yang dipotong dua kepada pihak Bank dengan mengemukakan notis bertulis bahawa beliau telah memulangkan Kad tersebut untuk pembatalan, dengan syarat bahawa Pemegang Kad hendaklah meneruskan untuk terikat dan bertanggungjawab di bawah Terma dan Syarat ini sehingga Kad Utama dan Kad Tambahan diterima oleh pihak Bank dan dibatalkan dengan sewajarnya. Walaupun dengan pembatalan Kad, Pemegang Kad akan terus bertanggungjawab ke atas semua kewajipan yang ditanggung sebelum pembatalan tersebut dan juga untuk mana-mana dan/atau semua pelanggaran asal Perjanjian ini.*

7. USE OF THE CARD / PENGGUNAAN KAD

- 7.1 The Cardholders, including any Supplementary Cardholders, shall use the Card only to affect the retail purchase and payment at or for Shariah compliant outlets, goods and services only. The Cardholder acknowledges and agrees that where the Card is used for payment at non-Shariah compliant outlets, goods and services, the Bank has the right to suspend and/or terminate usage of the Card without notice and assigning any reason thereto. / *Pemegang Kad, termasuk mana-mana Pemegang Kad Tambahan, hendaklah hanya menggunakan Kad untuk membuat pembelian dan pembayaran runcit di atau untuk saluran, barangan dan perkhidmatan yang mematuhi Syariah sahaja. Pemegang Kad mengakui dan bersetuju dimana Kad digunakan untuk pembayaran di saluran, barangan dan perkhidmatan bukan Syariah, pihak Bank berhak untuk*

menggantung dan/atau menamatkan penggunaan Kad tanpa notis dan memberi apa-apa alasan kepadanya.

- 7.2 The Principal Cardholder shall be liable to BMMB for all transactions effected by the Principal Cardholder as well as the Supplementary Cardholder (if any) using the Card and the Supplementary Card respectively and for all related charges billed to the Card Account. Notwithstanding anything else to the contrary herein contained and without prejudice to the generality of the foregoing, the foregoing liability of the Principal Cardholder shall continue to subsist notwithstanding the termination of this Agreement. / *Pemegang Kad Utama hendaklah bertanggungjawab kepada pihak Bank untuk semua transaksi yang dilaksanakan oleh Pemegang Kad Utama dan Pemegang Kad Tambahan (jika ada) yang menggunakan Kad dan Kad Tambahan masing-masing dan untuk semua caj yang berkaitan yang dibilkan kepada Akaun-akaun Kad. Walaupun terdapat percanggahan dan tanpa prejudis kepada kandungan umum terma, liabiliti Pemegang Kad Utama akan terus kekal tanpa mengira akan penamatan Perjanjian ini.*
- 7.3 To effect a credit purchase from any Merchant or a Cash Withdrawal from a VISA Member Bank by using the Card, the Cardholder shall sign a sales draft or cash withdrawal draft, prepared by the Merchant and/or VISA Member Bank, as the case may be. BMMB shall be absolutely entitled and is hereby unconditionally authorized by the Cardholder to debit the Cardholder's relevant Card Account for the amount paid by BMMB for such purchase. The Cardholder hereby unconditionally authorizes BMMB to purchase his/her unsigned sales drafts or cash withdrawal drafts and debit his Card Account for the payments made by BMMB to the Merchant or VISA Member Bank for such purchase, if BMMB is of the opinion based on satisfactory documentary evidence, that the omission is due to the nature of the transaction or due to an oversight on the part of the Cardholder and/or the Merchant, VISA Member Bank or otherwise shall be binding and conclusive on the Cardholder. For the purpose of this Clause 4.4, any determination by BMMB whether such omission is due to the nature of the transaction or due to an oversight on the part of the Cardholder and/or the Merchant, is binding and conclusive on the Cardholder. / *Untuk menjalankan sesuatu pembelian kredit daripada mana-mana Rakan Niaga atau Pengeluaran Tunai daripada Ahli Bank VISA dengan menggunakan Kad, Pemegang Kad hendaklah menandatangani draf jualan atau draf Pengeluaran Tunai, yang disediakan oleh Rakan Niaga dan/atau Ahli Bank VISA, mengikut mana-mana yang berkenaan. BMMB sepenuhnya berhak dan dengan ini diberi kebenaran tanpa syarat oleh Pemegang Kad untuk mendebitkan Akaun Kad Pemegang Kad yang berkenaan untuk jumlah yang dibayar oleh BMMB untuk pembelian tersebut. Pemegang Kad dengan ini memberi kebenaran tanpa syarat kepada BMMB untuk membuat pembelian ke atas draf jualan atau draf pengeluaran tunai yang tidak ditandatangani dan mendebit Kad Akaun beliau untuk pembayaran yang dibuat oleh BMMB kepada Rakan Niaga atau Ahli bank VISA untuk pembelian tersebut. Jika BMMB berpendapat bahawa berdasarkan bukti dokumentasi yang memuaskan, peninggalan tandatangan itu adalah disebabkan oleh transaksi tersebut atau disebabkan oleh kesilapan Pemegang Kad dan/atau Rakan Niaga, Ahli Bank VISA atau sebaliknya hendaklah mengikat dan muktamad ke atas Pemegang Kad. Untuk maksud Klausula 4.4, sebarang keputusan oleh BMMB sama ada peninggalan tandatangan itu adalah disebabkan oleh sifat transaksi atau disebabkan oleh kesilapan pihak Pemegang Kad dan/atau Rakan Niaga adalah mengikat dan muktamad ke atas Pemegang Kad,*
- 7.4 The Card will not be allowed to be used for purchasing or acquiring of non-halal goods and services by excluding non-halal merchant category code ("MCC"). The non-halal merchants

category codes are listed as follows: / *Kad tidak dibenarkan digunakan untuk membeli atau memperolehi barangan dan perkhidmatan yang tidak halal dengan menyisihkan kod kategori rakan niaga tidak halal ("MCC"). Kod Kategori rakan niaga tidak halal adalah seperti berikut:*

MCC	Description / Keterangan	MCC	Description / Keterangan
Amusement & Entertainment / Hiburan		Hotels & Motels / Hotel & Motel	
7800	Government Owned Lottery	3669	Eldorado Hotel & Casinos
7801	Internet Gambling	3676	Monte Carlo Hotel & Casino
7802	Government Licensed Horse/Dog Racing	3679	Silver Legacy & Casino
7995	Betting (including Lottery Tickets), Casino Gaming Chips,	3682	Sahara Hotel and Casino
9406	Government Owned Lotteries- Non-US Region	3708	Virgin River Hotel & Casino
Personal Service Providers/ Pembekal Perkhidmatan Peribadi		3712	Buffalo Bill's Hotel & Casino
7273	Dating and Escort Services	3728	Bally's Hotel and Casino
Miscellaneous Stores / Kedai-kedai Pelbagai		3731	Harrah's Hotel and Casinos
5733	Music Stores, Musical Instruments, Pianos, Sheet Music	3737	Riviera Hotel and Casino
5813	Drinking Places (Alcoholic Beverages) Bars Taverns, Cocktail Lounges, Nightclubs, Discotheques	3738	Tropicana Resort & Casino
5921	Package Stores - Beer, Wine and Liquor	3761	Primadonna Hotel & Casino
5993	Cigar Stores and Stands	3762	Whiskey Pete's Hotel & Casino
Hotels & Motels / Hotel & Motel		3763	Chateau Elan Winery & Resort
3551	Mirage Hotel and Casino	3764	Beau Rivage Hotel & Casino
3555	Treasure Island Hotel and Casino	3765	Bellagio
3560	Aladdin Resort and Casino	3766	Fremont Hotel and Casino
3564	Sams' Hotel and Casino	3767	Main Street Hotel & Casino
3582	California Hotel and Casino	3768	Silver Star Hotel & Casino
3624	Lady Luck Hotel & Casino	3769	Stratosphere Hotel and Casino
3628	Excalibur & Casino	3771	Ceasars Hotel and Casino
3662	Circus Circus Hotel & Casino	3773	Venetian Resort Hotel & Casino
3667	Luxor Hotel & Casino	3774	New York NY Hotel & Casino

7.5 The Cardholder is allowed to purchase goods and services online and to access cash at ATMs which display MEPS/Bankcard ONLY for the Cash Withdrawal from the Card Account. Nevertheless, the Cardholder may use the Card outside Malaysia for the cash withdrawal from

- 17.4 The Bank may withdraw, suspend and/or terminate the Card and/ or any of the services thereby offered at any time with adequate prior notice (except for occurrences as per 17.1.1.) as it deems fit regardless of whether or not any event of default has occurred. It is further agreed that the Bank is under no obligation whatsoever to reveal the reason for the termination or suspension of the use of the Card. / *Pihak Bank boleh menarik balik, menggantung dan / atau menamatkan Kad dan / atau mana-mana perkhidmatan yang ditawarkan pada bila-bila masa dengan notis awal yang mencukupi (kecuali jika berlaku keadaan seperti dalam 17.1.1.) sebagaimana yang dianggap sesuai dengan tidak mengira sama ada perkara kemungkiran telah berlaku. Selanjutnya telah dipersetujui bahawa pihak Bank tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk mendedahkan sebab penamatan atau penggantungan penggunaan Kad tersebut.*

18. APPOINTMENT OF COLLECTING AGENT / *PELANTIKAN AGEN KUMPULAN*

18.1 In implication and not in derogation of its right under these Terms and Conditions, the Bank shall have the right when it deems necessary to appoint or authorise an agent of its choice to act on its behalf for the purpose of recovering any or all monies due and payable from the Cardholder to the Bank under these Terms and Conditions. The Cardholder hereby authorises the Bank to disclose any information concerning the Cardholder and his Card Account to any of its agents duly appointed for purpose of recovering any or all monies due and payable from the Cardholder to the Bank under this Terms and Conditions. / *Di dalam implikasi dan tanpa mengurangkan haknya di bawah Terma dan Syarat ini, pihak Bank mempunyai hak apabila difikirkan perlu untuk melantik atau memberi kuasa kepada ejen pilihannya untuk bertindak bagi pihaknya bagi tujuan mendapatkan segala wang yang tertanggung dan perlu dibayar daripada Pemegang Kad kepada pihak Bank di bawah Terma dan Syarat ini. Pemegang Kad dengan ini memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendedahkan apa-apa maklumat berhubung Pemegang Kad dan Akaun Kadnya kepada mana-mana ejennya yang dilantik dengan sewajarnya untuk mendapatkan semula sebarang atau segala wang yang tertanggung dan perlu dibayar oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank di bawah Terma dan Syarat ini.*

19. RIGHT TO DISPOSE/SELL IMPAIRED ACCOUNTS AND OUTSOURCE DEBT COLLECTION / *HAK UNTUK MELUPUSKAN / MENJUAL AKAUN TERJEJAS DAN KOLEKSI HUTANG DIPEROLEHI*

19.1 The Cardholder hereby agrees that the Bank shall have the right to outsource debt collection function or sell or transfer any impaired financing to any agencies, companies, licensed financial institutions or third party approved by the relevant authorities with sufficient notice to the Cardholder. / *Pemegang Kad dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak untuk mendapatkan perkhidmatan pihak luar bagi menjalankan kutipan hutang atau menjual atau memindahkan segala pembiayaan yang terjejas kepada mana-mana agensi, syarikat, institusi kewangan berlesen atau pihak ketiga yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan dengan notis yang mencukupi kepada Pemegang Kad.*

20. *TA`WIDH*(LATE PAYMENT COMPENSATION FEE) / *TA`WIDH (PAMPASAN PEMBAYARAN LEWAT)*

20.1 In the event the Cardholder does not meet the minimum monthly payment requirement, *Ta`widh* shall be charged on the day following the payment due date. The *Ta`widh* imposed is as per the Fees and Charges imposed under Credit Card-i and shall be made known thru the Bank's website, the relevant Product Disclosure Sheets, and any other relevant channels or documents. / *Sekiranya Pemegang Kad gagal dalam melakukan pembayaran bulanan minimum yang diperlukan, Ta`widh akan dikenakan pada hari selepas tarikh akhir pembayaran. Ta`widh yang dikenakan adalah seperti Fi dan Caj yang diperuntukkan di bawah Kad Kredit-i dan akan dimaklumkan melalui laman web Bank, Risalah Pendedahan Produk yang berkaitan, dan mana-mana saluran atau dokumen lain yang berkaitan.*

21. SERVICE TAX / *CUKAI PERKHIDMATAN*

21.1 Each Principal and Supplementary Card is subject to an annual recurring Service Tax. The quantum of tax shall be stipulated in the Fees and Charges imposed under Credit Card-i and shall be made known thru the Bank's website, the relevant Product Disclosure Sheets, and any

other relevant channels or documents. / *Setiap Kad Utama dan Tambahan adalah tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan berulang tahunan. Kuantum cukai hendaklah ditetapkan di dalam Fi dan Caj yang diperuntukkan di bawah Kad Kredit-i dan akan dimaklumkan melalui laman web Bank, Risalah Pendedahan Produk yang berkaitan dan apa-apa saluran atau dokumen lain yang berkaitan.*

22. LAW / UNDANG-UNDANG

- 22.1 These Terms & Conditions shall be subject to, governed by and construed in accordance with the Laws of Malaysia and the rules, regulations and guidelines of BNM and other relevant bodies, in force from time to time. / *Segala Terma dan Syarat didalam ini adalah tertakluk kepada, ditadbir oleh, dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan peraturan serta garis panduan oleh BNM dan setiap badan-badan yang berkaitan, yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.*
- 22.2 These Terms & Conditions is subject to all prevailing provisions of the Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA) and Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (AMLA). / *Terma dan syarat ini tertakluk kepada semua peruntukan yang berlaku dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) dan Anti Pengubahan Wang Haram, Pembiayaan Anti-Keganasan dan Hasil Akta Aktiviti Tidak Sah 2001 (AMLA).*
- 22.3 These terms and conditions is also subject to all prevailing Bank Negara Malaysia's guidelines and directives issued in respect of IFSA and AMLA. / *Terma dan syarat ini juga tertakluk kepada semua panduan dan arahan Bank Negara Malaysia yang berkaitan dengan IFSA dan AMLA.*

23. ANTI BRIBERY AND CORRUPTION

- 23.1 All parties are expected to understand and comply with the *Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009* (including any amendment thereof). The Bank reserves the right to report any actions or activities suspected of being criminal in nature to the police or other relevant authorities and include to terminate the transaction hereof. / *Semua pihak dikehendaki dapat memahami dan mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (termasuk pindaannya). Pihak Bank berhak untuk melaporkan tindakan atau aktiviti yang disyaki bersifat jenayah kepada polis atau pihak berkuasa lain dan termasuk untuk menghentikan transaksi ini.*

24. TIME / MASA

- 24.1 Time wherever mentioned shall be of the essence of these Terms and Conditions. / *Masa di mana sahaja yang dinyatakan adalah intipati Terma dan Syarat ini.*

25. WAIVER / PENGECUALIAN

- 25.1 Failure or delay on the part of the Bank in exercising nor any omission to exercise any right, power, privilege or remedy provided in the Terms and Conditions shall constitute a waiver or acquiescence of such default which shall affect or impair any right, power, privilege or remedy herein. / *Kegagalan atau kelewatan oleh pihak Bank dalam menjalankan atau peninggalan untuk menjalankan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang disediakan dalam Terma dan*

Syarat ini akan mengetepikan atau persetujuan daripada keingkaran itu akan memberi kesan atau menjejaskan mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedi di sini.

26. SEVERABILITY / KEBOLEHASINGAN

- 26.1 If any of the Terms and Conditions become invalid, illegal, or unenforceable pursuant to any law, then the validity, legality and unenforceability of the remaining provisions shall not in any way be affected or impaired. / *Jika mana-mana Terma dan Syarat menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang, atau tidak boleh dikuatkuasakan menurut mana-mana undang-undang, maka kesahan, kesahihan dan tidak boleh dikuatkuasakan peruntukan selanjutnya itu tidak akan terjejas atau terganggu dalam apa jua cara sekalipun.*

27. RIGHT TO SET-OFF / HAK UNTUK MENOLAK-SELESAIKAN

- 27.1 The Customer agrees that in addition to any general lien or other similar right which the Bank may be entitled by law, the Bank may at any time, by giving seven (7) calendar days notice, combine or consolidate any or all of the banking accounts of whatsoever nature, at any branch of the Bank with any liabilities to the Bank and set-off or transfer any sum or sums standing in the credit of any or all the banking accounts in or towards satisfaction of any of the Customer liabilities, whether such liabilities be present, future, actual or contingent, standing to the credit of any the Customer's banking accounts shall to extent necessary to cover such liabilities or any other monies owing to the Bank. / *Pelanggan bersetuju bahawa sebagai tambahan kepada mana-mana hak memegang harta orang yang berhutang atau hak lain yang berkaitan yang mana pihak Bank berhak melalui undang-undang, pihak Bank dibenarkan pada bila-bila masa, dengan memberi notis tujuh (7) hari kalendar, menggabungkan atau menyatukan mana-mana atau semua akaun perbankan dari apa jua bentuk, di mana-mana cawangan Bank dengan apa-apa tanggungan kepada Bank dan menetapkan atau memindahkan sebarang jumlah atau jumlah wang dalam mana-mana kredit atau semua akaun perbankan di dalam atau terhadap mana-mana liabiliti Pelanggan, sama ada liabiliti sekarang, masa depan, sebenar atau kontingen, jumlah wang dalam kredit mana-mana akaun perbankan Pelanggan hendaklah setakat yang perlu untuk menanggung liabiliti atau apa-apa wang lain yang berhutang kepada Bank.*
- 27.2 In the event that the Customer fails to notify or return any amount which has been wrongly credited to the Customer's Account through any means or correctly credited but subsequently defaulted by the remitting or paying party, the Bank shall be entitled at any time and without notice, to debit from the Customer's Account any sum wrongly credited into the Account. / *Sekiranya Pelanggan gagal memaklumkan atau memulangkan apa-apa amaun yang telah dikreditkan secara salah kepada Akaun Pelanggan melalui apa-apa cara atau dikredit dengan betul tetapi kemudiannya menjadi gagal disebabkan oleh pihak penyerah atau pembayar, pihak Bank berhak pada bila-bila masa dan tanpa notis, untuk mendebit dari Akaun Pelanggan apa-apa jumlah yang telah salah dikreditkan ke dalam Akaun tersebut.*

28. BANK'S RIGHT TO DEBIT BANKING ACCOUNT / HAK BANK UNTUK MENDEBIT AKAUN PERBANKAN

- 28.1 The Customer agree that the Bank has the right to debit the Customer Banking Accounts upon giving sufficient notice, any sum that has been credited into the customer's Banking Accounts as a result of any suspicion of any tampered instrument/ instructions/ fraudulent transaction, whether with/without the Customer involvement. / *Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak untuk mendebit Akaun Perbankan Pelanggan setelah memberikan notis yang mencukupi, apa-apa jumlah yang telah dikreditkan ke dalam Akaun Perbankan pelanggan hasil daripada sebarang perkara mencurigakan untuk sebarang instrument yang terganggu / arahan / transaksi yang palsu, sama ada dengan / tanpa penglibatan Pelanggan.*
- 28.2 The Cardholder agrees that the Bank shall have the right to debit the Cardholder's CASA or any other accounts maintained with the Bank (including to liquidate account which give effect to premature redemption) for payment of any profit and/ or principal due and payable to the Bank, *takaful* contribution, fees, charges and any other monies due and payable under the Credit Card- i Facility, as stated in the Terms and Conditions, Product Disclosure Sheet, the Bank's website and/or other means of communication deemed appropriate by the Bank from time to time. / *Pemegang Kad bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak untuk mendebitkan ASAS Pemegang Kad atau mana-mana akaun lain yang dikendalikan oleh pihak Bank (termasuk untuk membubarkan akaun yang memberi kesan kepada penebusan awal) untuk pembayaran apa-apa keuntungan dan / atau prinsipal yang harus dan perlu dibayar kepada pihak Bank , sumbangan takaful, yuran, caj dan apa-apa wang lain yang harus dan perlu dibayar di bawah Kemudahan Kad Kredit-i, seperti yang termaktub di dalam Terma dan Syarat, Risalah Pendedahan Produk, laman web Bank dan / atau cara komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Bank dari masa ke semasa.*

29. SUCCESSORS BOUND / PENGGANTI TERIKAT

- 29.1 These Terms and Conditions shall be binding upon the customer's heirs, personal representatives and successors-in-title and the successors-in-title and assigns of the Bank. The customer shall not assign any of the customer's rights and interest in the Banking Accounts or the services. The customer's obligations and liabilities shall continue notwithstanding any change by amalgamation, reconstruction or otherwise in the constitution of the Bank. / *Terma dan Syarat ini adalah terikat ke atas waris pelanggan, wakil peribadi dan pengganti hak milik, dan pengganti jawatan dan orang yang ditugaskan oleh Bank. Pelanggan tidak akan menyerahkan apa-apa hak dan kepentingan pelanggan dalam Akaun Perbankan atau perkhidmatan itu. Kewajipan dan liabiliti pelanggan hendaklah diteruskan walaupun terdapat apa-apa perubahan melalui penyatuan, pembentukan semula atau selainnya dalam perlembagaan Bank.*

30. SERVICE OF LEGAL PROCESS / PERKHIDMATAN PROSESS UNDANG-UNDANG

- 30.1 The Cardholder and relevant parties hereby agree that the service of any Writ of Summons or any legal process in respect of any claim arising out of or connected with this Agreement may be effected by forwarding a copy of the same by prepaid registered post and a copy of the same by ordinary post to the Cardholder's address(es) as stated in the relevant Application Forms or pertinent documents, or to other such address(es) notified by the Cardholder to the Bank from time to time. / *Pemegang Kad dan pihak-pihak yang berkaitan dengan ini bersetuju bahawa*

perkhidmatan apa-apa Writ Saman atau apa-apa proses undang-undang yang berkenaan dengan apa-apa tuntutan yang timbul atau berkaitan dengan Perjanjian ini boleh dilakukan dengan menghantar salinan yang sama secara pos berdaftar prabayar dan salinan yang sama secara pos biasa kepada alamat Pemegang Kad yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan yang berkaitan atau dokumen berkaitan, atau kepada alamat-alamat lain yang telah dimaklumkan oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank dari semasa ke semasa.

31. SECURITY / SEKURITI

- 31.1 The Customer must ensure that only persons with proper and valid authority (within any limits set by the Customer) send or transmit, or authorize the sending or transmission of, any application or any instructions including Card activation to the Bank thru i-Muamalat retail internet banking. The Customer is responsible for the accuracy, adequacy and completeness of information submitted to the Bank. The Bank shall be entitled to treat an application received as being properly authorized by the Customer and binding upon the Customer, and the Bank is not required to further investigate or enquire the authenticity or authority of the Customer's goodself. / *Pelanggan perlu memastikan bahawa hanya orang yang sesuai dan mempunyai kuasa yang sah sahaja (dalam apa-apa had yang ditentukan oleh Pelanggan) menghantar, atau membenarkan penghantaran ke atas apa-apa permohonan atau apa-apa arahan termasuk pengaktifan Kad ke Bank melalui perbankan internet runcit i-Muamalat. Pelanggan bertanggungjawab terhadap ketepatan, kecukupan dan kesempurnaan maklumat yang dikemukakan kepada pihak Bank. Pihak Bank berhak untuk menganggap permohonan yang diterima telah diberi kuasa oleh Pelanggan dan terikat ke atas Pelanggan, dan pihak Bank tidak dikehendaki untuk menyiasat dengan lebih lanjut atau menanyakan kesahihan atau autoriti Pelanggan itu sendiri.*
- 31.2 The Customer is responsible for the use of the Customer's own password and/or TAC number dispatched to the Customer. The Bank shall not be liable to the Customer for any loss, damage, cost or expenses incurred by the Customer as a result of the loss or unauthorised use of the Customer's password and/or TAC number. / *Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk menggunakan kata laluan Pelanggan sendiri dan/atau nombor TAC yang dihantar kepada Pelanggan. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas Pelanggan untuk sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan akibat daripada kerugian atau penggunaan kata laluan Pelanggan dan/atau nombor TAC tanpa kebenaran.*
- 31.3 The Customer acknowledges that the information set out within the application or any instructions submitted thru i-Muamalat is only encrypted and secured upon transmission to the Bank, and agree that this online application uses reasonable security procedures to:- / *Pelanggan mengakui bahawa maklumat yang dinyatakan di dalam permohonan atau arahan yang dikemukakan melalui i-Muamalat adalah tersulit dan terjamin semasa penghantaran ke Bank, dan bersetuju bahawa aplikasi dalam talian ini menggunakan prosedur keselamatan yang munasabah untuk:-*
- a) *verify that such information originate from the Customer; / mengesahkan bahawa maklumat tersebut berasal daripada Pelanggan;*
 - b) *verify that such information is not altered during transmission to the Bank; and / mengesahkan bahawa maklumat tersebut tidak diubah semasa penghantaran ke Bank; dan*

- c) indicate the Customer's intention in respect of the application submitted, and that such security procedures are as reliable as appropriate for the purposes for which the online application or instruction is used. The Bank is not liable to the Customer if any transmission is delayed, lost or otherwise fails to reach us, or if the information set out within the application is modified, intercepted or otherwise accessed by a third party during the process of transmission. / *menyatakan niat Pelanggan berkenaan dengan permohonan yang dihantar, dan tatacara keselamatan sedemikian adalah boleh dipercayai untuk tujuan permohonan atau arahan dalam talian itu digunakan. Pihak Bank tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan sekiranya sebarang penghantaran ditangguhkan, hilang atau sebaliknya gagal untuk menghubungi pihak Bank, atau jika maklumat yang dinyatakan di dalam aplikasi diubahsuai, dipintas atau diakses oleh pihak ketiga semasa proses penghantaran.*

32. CHANGE IN PARTICULARS / PERUBAHAN BUTIR-BUTIR

- 32.1 No change in the Cardholder's information, address, telephone number and other related information, howsoever brought about shall be effective or binding on the Bank unless the Cardholder has given to the Bank a written notice or verbal instruction of such changes. The changes shall be affected or prejudiced by any subsequent change in the address over which the Bank has no actual knowledge of at the time the act or thing was done or carried out. / *Tiada sebarang perubahan di dalam maklumat Pelanggan, alamat, nombor telefon, nombor faksimili, atau lain-lain maklumat pelanggan yang telah direkodkan oleh pihak Bank, walau apa jua yang akan dianggap efektif atau terikat melainkan Pelanggan telah memberikan notis secara bertulis atau arahan secara lisan kepada pihak Bank berkenaan perubahan tersebut. Perubahan tersebut akan terjejas atau menjejaskan mana-mana perubahan selepasnya bagi alamat di mana, pihak Bank tidak mengetahui pada masa tersebut bahawa perubahan tersebut telah dilakukan atau dijalankan.*
- 32.2 The Cardholder is requested to notify the Bank in writing promptly or to give instruction pursuant to the below mentioned item 34.3 of any changes of authorised signatures or signatories, change of Supplementary Cardholders, change of address or any other pertinent particulars in the Bank's records. All communication posted to or left at the Cardholder's last registered address with the Bank shall be deemed to be duly delivered to the Cardholder unless there is contrary evidence that such communication was not in fact served. / *Pemegang Kad dikehendaki memberitahu pihak Bank secara bertulis dengan segera atau memberi arahan menurut item 34.3 di bawah sekiranya terdapat perubahan pada butiran tandatangan dan penandatangan, penukaran Pemegang Kad Tambahan, penukaran alamat ataupun sebarang maklumat penting yang direkodkan oleh pihak Bank. Semua komunikasi yang diposkan kepada atau diletakkan di alamat terakhir Pemegang Kad yang didaftarkan dengan pihak Bank adalah dikira sebagai telah dihantar kepada Pemegang Kad kecuali terdapat bukti sebaliknya bahawa komunikasi tersebut tidak disampaikan.*

33. FORCE MAJEURE / FORCE MAJEURE

- 33.1 Notwithstanding any other provisions herein, in the event the Bank is unable to perform any operations or to provide any services due to any reason beyond the Bank's control, including but not limited to fire, earthquake, flood, epidemic, natural catastrophe, accident, riots, civil disturbances, industrial dispute, act of public enemy, embargo, war, act of God or any factor in a

nature of a force majeure or any failure or disruption to telecommunication, electricity, water, fuel supply, the Bank shall not in any way be liable for any inconvenience, loss, injury, damages suffered or incurred by the Customer arising from the same. / *Selain daripada peruntukan yang tertera di sini, sekiranya pihak Bank tidak dapat melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan disebabkan oleh mana-mana keadaan yang di luar kawalan pihak Bank ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, bencana alam semulajadi, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian industri, perbuatan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor bersifat force majeure atau sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, elektrik, air, bekalan bahan api, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara ke atas sebarang kesulitan, kehilangan, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang timbul daripada sebab yang sama.*

34. TELEPHONE MONITORING AND RECORDING / PEMANTAUAN DAN PERAKAMAN TELEFON

- 34.1 The Cardholder authorises the Bank to contact the Cardholder by telephone on matters related to the Credit Card Facility. The Cardholder agrees such calls from the Bank maybe unsolicited calls. From time to time the Bank may monitor and/or record the telephone calls between the Cardholder and the Bank. The Cardholder further agrees that monitoring and/or recording may be done and that no additional notice to the Cardholder or additional approval from the Cardholder is needed. / *Pemegang Kad memberi kuasa kepada pihak Bank untuk menghubungi Pemegang Kad melalui telefon mengenai perkara yang berkaitan dengan Kemudahan Kad Kredit. Pemegang Kad bersetuju bahawa panggilan daripada pihak Bank mungkin panggilan yang tidak diminta. Dari semasa ke semasa, pihak Bank boleh memantau dan/atau merakam panggilan telefon antara Pemegang Kad dan pihak Bank. Pemegang Kad seterusnya bersetuju bahawa pemantauan dan/atau rakaman boleh dilakukan dan tidak ada notis tambahan kepada Pemegang Kad atau kelulusan tambahan daripada Pemegang Kad diperlukan.*
- 34.2 The Bank shall not be obliged to enter into any transaction or follow any instruction by the Cardholder, if in the opinion by entering into such transaction, the Bank and its affiliate will expose to breach of any law, policy, rule or regulation. / *Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk membuat sebarang transaksi atau mematuhi sebarang arahan oleh Pemegang Kad, jika dengan pendapat sekiranya memasuki urusan tersebut, pihak Bank dan sekutunya akan terdedah kepada pelanggaran mana-mana undang-undang, dasar, peraturan atau pegawalan.*
- 34.3 The Bank may accept instructions from the Cardholder over the telephone in relation to the Card, including but not limited to requests to do the following:- / *Pihak Bank boleh menerima arahan daripada Pemegang Kad melalui telefon yang berkaitan dengan Kad, termasuk tetapi tidak terhad kepada permintaan untuk melakukan perkara seperti yang berikut:-*
- (i) change of mailing address; or / *pertukaran alamat surat-menyurat; atau*
 - (ii) reporting of lost card; or / *melaporkan kad hilang; atau*
 - (iii) replacement of lost or damaged cards; or / *penggantian kad hilang atau rosak; atau*
 - (iv) other transactions which may be determined by the Bank from time to time. / *urus niaga lain yang mungkin ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa*

Prior to accepting such instructions over the telephone, the identity of the Cardholder will first be verified by the Bank's representative through a security process established by the Bank which

may incorporate the Cardholder's personal details. Notwithstanding on the above, save and except for reporting of lost card, the Bank may request for a written confirmation from the Cardholder of the Cardholder's instructions prior to implementing the same. / *Sebelum menerima arahan tersebut melalui telefon, identiti Pemegang Kad akan terlebih dahulu disahkan oleh wakil pihak Bank melalui proses keselamatan yang ditubuhkan oleh pihak Bank yang perlu memasukkan butiran peribadi Pemegang Kad. Walaubagaimanapun, kecuali bagi laporan kehilangan kad, pihak Bank boleh meminta pengesahan secara bertulis daripada Pemegang Kad atas arahan Pemegang Kad sebelum melaksanakan perkara yang sama.*

- 34.4 The Cardholder further authorises the Bank to act on his instruction given in writing and any request made by the Cardholder to a merchant or a provider of service for the supply of goods and/or services to be charged to the Card shall constitute authority for the Bank to debit the relevant MasterCard and/or Visa Card Account with such amount charged. / *Pemegang Kad seterusnya memberi kuasa kepada pihak Bank untuk bertindak atas arahnya yang diberikan bertulis dan apa-apa permintaan yang dibuat oleh Pemegang Kad kepada Rakan Niaga atau penyedia perkhidmatan untuk pembekalan barang dan/atau perkhidmatan yang akan dikenakan ke dalam Kad yang akan memberikan kuasa terhadap pihak Bank untuk mendebitkan Akaun Kad MasterCard dan/atau Visa berkaitan dengan jumlah yang dikenakan.*

35. DISCLOSURE OF CUSTOMER INFORMATION AND PERSONAL DATA UNDER THE ISLAMIC FINANCIAL SERVICES ACT 2013 (IFSA) AND THE PERSONAL DATA PROTECTION ACT (PDPA) / PENDEDAHAN MAKLUMAT PERIBADI DAN DATA PELANGGAN DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013 ("IFSA") DAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 ("PDPA")

- 35.1 The Customer(s) consents and authorizes the Bank to collect, process, disclose, transfer, maintain, store and retain the customer's personal data to other entities within the BMMB including its branches as well as subsidiaries and other external parties, including but not limited to the parties/bodies listed below. / *Pihak Pelanggan memberi kebenaran dan persetujuan kepada pihak Bank untuk mengumpul, memproses, mendedahkan, memindahkan, mengekalkan, menyimpan, dan mengawal data peribadi pelanggan kepada entiti-entiti lain yang mempunyai hubungan bersama BMMB, termasuklah cawangan-cawangan BMMB dan juga syarikat subsidiari dan pihak-pihak luar, termasuk juga namun tidak terhad kepada pihak-pihak/badan-badan yang tersenarai di bawah.*
- 35.2 The Customer(s) also consent and agree to the Bank conducting credit checks and verification of information given by the customer in the customer's application for the Banking Accounts or services with any credit bureaus or corporation set up for the purpose of collecting and providing credit or other information. The Customer(s) also consent to the Bank's disclosure of the customer's financial condition, details of accounts, account relationship with the Bank including credit balances to: / *Pihak Pelanggan juga memberi kebenaran dan persetujuan kepada pihak Bank untuk menjalankan penyemakan kredit dan memastikan bahawa maklumat yang diberikan oleh Pelanggan di dalam permohonan Akaun Perbankan atau perkhidmatan bersama-sama dengan biro-biro kredit atau pembangunan korporat yang bertujuan untuk mengumpul dan membekalkan maklumat kredit atau maklumat lain. Pihak Pelanggan juga memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mendedahkan status kewangan pelanggan, maklumat akaun, perhubungan akaun bersama Bank, termasuk juga baki kredit kepada:*

- a) Government or regulatory authorities in Malaysia and elsewhere, including Bank Negara Malaysia, Credit Bureau, Central Credit Reference Information System

(CCRIS), Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad; / *Kerajaan atau penguatkuasa peraturan di Malaysia dan penguatkuasa peraturan di mana-mana sahaja, termasuklah Bank Negara Malaysia, Credit Bureau, Central Credit Reference Information System (CCRIS), Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad;*

- b) party(ies) providing services (including outsourcing vendors, lawyers, nominees, custodians, centralised securities depository or registrar, debt collection agents) to the Bank; / *pihak-pihak yang menyediakan perkhidmatan (termasuk pembekal-pembekal luar, peguam-peguam, penama-penama, penjaga-penjaga, organisasi pemegang saham atau pendaftar, ejen-ejen pungutan hutang) kepada Bank;*
- c) the Bank's agents, consultants and professional advisers; / *ejen-ejen Bank, perunding-perunding, dan penasihat-penasihat profesional;*
- d) the police or any investigating officer conducting any investigation; and / *pihak polis atau mana-mana pegawai perisikan yang melaksanakan penyiasatan; dan*
- e) any person to whom disclosure is permitted or required by any law, regulation, governmental directive or request. / *mana-mana pihak yang dibenarkan untuk didedahkan atau diperuntukkan oleh undang-undang, peraturan-peraturan, atas arahan atau permintaan daripada pihak kerajaan*

35.3 The Bank may, subject to compliance with the applicable regulatory rules or guidelines, use or apply any information relating to the customer's collected, compiled, or obtained by the Bank through or by whatever means and methods for such purposes as determined by the Bank. / *Pihak Bank boleh, menurut kepatuhan yang terdapat pada terma dan syarat, menggunakan atau meletakkan di mana-mana maklumat yang berkaitan dengan pelanggan setelah dikumpulkan, disusun, atau diperolehi oleh pihak Bank melalui, atau secara apa-apa cara dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat tersebut seperti yang ditentukan oleh pihak Bank.*

35.4 The Customer(s) hereby agree that the Bank's employees, independent contractor, representatives and/or agents to contact the customer from time to time through personal visits or oral communication effected thru any means of communication including but not limited to telephone calls regarding any products or services promotion unless objected to in writing by the Customer(s). / *Pihak Pelanggan telah bersetuju bahawa kakitangan Bank, kontraktor-kontraktor bebas, wakil-wakil atau ejen-ejen untuk menghubungi pelanggan dari semasa ke semasa melalui perjumpaan secara peribadi atau komunikasi secara lisan melalui apa-apa cara komunikasi, termasuk namun tidak terhad kepada panggilan telefon berkenaan promosi produk-produk atau perkhidmatan, kecuali tidak dipersetujui oleh pihak Pelanggan secara bertulis kepada pihak Bank.*

35.5 The Customer(s) also declare that all personal information and data set forth herein is/are all true, up to date and accurate and should there be any charges to any personal information or data set forth herein, shall notify the Bank immediately. / *Pihak pelanggan juga mengesahkan bahawa semua maklumat peribadi dan data yang diberikan adalah benar, terkini dan tepat, dan sekiranya terdapat apa-apa bayaran yang dikenakan terhadap maklumat peribadi pelanggan atau data, pelanggan perlu memaklumkan pihak Bank dengan segera.*

35.6 The Bank will take all reasonable precautions to preserve the integrity and confidentiality of information set out within the application submitted thru any means acceptable by the Bank. However, the Customer acknowledges and agrees that the Bank may disclose such information to the Bank officers, employees and agents, the Bank service providers, and any

other person where such disclosure is reasonably required for processing the application submitted. To the extent that the information set out within the application submitted constitutes personal data under the Personal Data Protection Act, the Customer acknowledges and agrees that the Bank may collect, use or disclose such personal data in connection with:- / *Pihak Bank akan mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memelihara integriti dan kerahsiaan maklumat yang dinyatakan di dalam permohonan yang dikemukakan melalui apa-apa cara yang boleh diterima oleh pihak Bank. Walau bagaimanapun, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa pihak Bank boleh mendedahkan maklumat tersebut kepada pegawai Bank, pekerja dan ejen, penyedia perkhidmatan Bank, dan mana-mana pihak yang lain lain yang mana pendedahan itu adalah munasabah dan diperlukan untuk memproses permohonan yang dikemukakan. Segala maklumat yang dinyatakan di dalam permohonan yang dikemukakan yang merupakan data peribadi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa pihak Bank boleh mengumpul, menggunakan atau mendedahkan data peribadi yang berkaitan dengan: -*

- a) the processing of the application submitted; / *pemprosesan maklumat yang dihantar;*
- b) the assessment and determination of the Customer on the eligibility for account opening and other banking services and products; / *penilaian dan penentuan kelayakan Pelanggan untuk pembukaan akaun dan perkhidmatan dan produk-produk perbankan yang lain;*
- c) the carrying out of statistical and other analysis and analytics; / *menjalankan analisis statistik dan analisis lain-lain;*
- d) the monitoring and enforcement of compliance with these Terms; and / *pemantauan dan penguatkuasaan pematuhan dengan Terma ini; dan*
- e) the sending of communications relating to BMMB's products and services to the Customer. / *penghantaran komunikasi yang berkaitan dengan produk dan servis Bank kepada Pelanggan*

36. ANTI MONEY LAUNDERING ACT (AMLA) AND COUNTER FINANCING OF TERRORISM (CFT) / AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM (AMLA) DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN (CFT)

36.1 In order to comply with any laws, directives, regulations or authorities under AMLA /CFT, BMMB may execute any of the following: / *Selaras dengan kepatuhan terhadap mana-mana undang-undang, arahan, peraturan atau penguatkuasaan di bawah AMLA/CFT, BMMB boleh melaksanakan mana-mana yang berikut:*

- a) Be prohibited from entering or concluding transactions involving certain persons or entities. / *Dilarang untuk memasuki atau menyelesaikan transaksi yang melibatkan seseorang atau entiti tertentu.*
- b) Report suspicious transactions or potential breaches of sanctions to an authority in any jurisdiction to which the Bank may need or decide to disclose. Transactions impacted include those that may: / *Laporkan transaksi yang mencurigakan atau berpotensi untuk melanggar sekatan pihak berkuasa dalam mana-mana bidang kuasa yang mana pihak Bank perlu atau memutuskan untuk mendedahkan. Urus niaga yang terlibat adalah termasuk perkara yang mungkin:*

- i. involve the provision of finance to any person involved or suspected of involvement in terrorism or any terrorist act; / *melibatkan penyediaan kewangan kepada mana-mana pihak yang terlibat atau disyaki terlibat dalam keganasan atau apa-apa tindakan pengganas;*
 - ii. be relevant to investigation of an actual or attempted evasion of tax law, investigation of or prosecution of a person for an offence against any applicable law; or / *berkaitan dengan penyiasatan terhadap perbuatan mengelakkan atau percubaan untuk mengelakkan undang-undang percukaian, penyelidikan atau pendakwaan ke atas seseorang untuk suatu pelanggaran terhadap mana-mana undang-undang yang berkaitan; atau*
 - iii. involve persons or entities which may be the subject of sanctions. / *melibatkan seseorang atau entiti yang mungkin menjadi subjek sekatan*
- c) Intercept and investigate any payment messages and other full information or communications sent to or by the Cardholder or on behalf of the Cardholder and may delay, block or refuse to make any payment and payment screening may cause a delay in processing certain information. / *Memintas dan menyiasat apa-apa mesej pembayaran dan maklumat penuh atau komunikasi lain yang dihantar kepada atau oleh Pemegang Kad atau bagi pihak Pemegang Kad dan boleh menyebabkan kelewatan, menyekat atau enggan membuat apa-apa bayaran dan pemeriksaan pembayaran boleh menyebabkan kelewatan dalam memproses maklumat tertentu.*

36.2 Take any action it believes to be necessary, which includes freezing of funds, preventing operation of an account, refusing a request for funds from the Cardholder, not allowing Cardholder to use a product, or delaying or cancelling a transaction. The Bank need not notify the Cardholder until a reasonable time after it is permitted to do so under those law or policies. The Bank will not be liable for any loss arising out of any action taken or any delay or failure by the Bank, in performing any of its duties or other obligations, caused in whole or in part by any steps taken as set out above. / *Mengambil apa-apa tindakan yang dipercayai perlu, termasuk pembekuan dana, mencegah operasi akaun, menolak permintaan dana daripada Pemegang Kad, tidak membenarkan Pemegang Kad menggunakan sesebuah produk, atau melewatkan atau membatalkan transaksi. Pihak Bank tidak perlu memaklumkan kepada Pemegang Kad sehingga masa yang sesuai selepas ia dibenarkan untuk berbuat demikian di bawah undang-undang atau dasar tersebut. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang timbul daripada apa-apa tindakan yang diambil atau apa-apa kelewatan atau kegagalan daripada pihak Bank, dalam melaksanakan apa-apa kewajipan atau tanggungjawab yang lain, yang disebabkan secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan apa-apa langkah yang diambil seperti yang dinyatakan di atas.*

36.3 Not to accept any deposit of any money or cheques and/or allow or carry out any other transaction including withdrawals of money in respect of Customer's account including but not limited to any transfers and telegraphic transfer of moneys from or to Cardholder's account if the Bank has a reason to believe or is made aware of by third parties or relevant authorities that the Cardholder's account is being used for or implicated in fraud, potential fraud, financial crimes, illegal activities, soliciting illegal financial investment schemes, money laundering or terrorism financing activities. The Bank too shall reserve the right to close, freeze, or otherwise deal with the Cardholder's account as the Bank deems fit. / *Tidak menerima sebarang deposit wang atau cek dan/atau membenarkan atau menjalankan apa-apa transaksi lain termasuk pengeluaran wang yang berkenaan dengan akaun Pelanggan termasuk tetapi tidak terhad*

kepada apa-apa pindahan dan pemindahan telegraf wang dari atau ke akaun Pemegang Kad jika pihak Bank mempunyai sebab untuk mempercayai atau dimaklumkan oleh pihak ketiga atau pihak berkuasa yang berkaitan bahawa akaun Pemegang Kad digunakan atau terlibat dalam penipuan, penipuan yang berpotensi, jenayah kewangan, aktiviti haram, meminta skim pelaburan kewangan haram, perubahan wang haram atau aktiviti pembiayaan keganasan. Pihak Bank juga berhak untuk menutup, membekukan, atau selainnya berurusan dengan akaun Pemegang Kad sebagaimana yang dianggap wajar oleh pihak Bank.

36.4 The Customer acknowledges and agrees that the application and transactions conducted do not violate the AMLA Act. / *Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa permohonan dan transaksi yang dijalankan tidak melanggar Akta AMLA.*

37. MISCELLANEOUS / LAIN-LAIN

37.1 Subject to Shariah principles, the Bank reserves the right to add, modify or delete any of the Terms & Conditions and any such notice or communication of any additions, modifications or deletions may be delivered personally, or by registered or ordinary mail to the other party at the last known address by the Bank, or by it being displayed at the Bank's premises, or by any notice or communication shall be deemed to be proof or receipt and binding on the Customer unless there is contrary evidence that such communication was not in fact served: / *Tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah, pihak Bank berhak untuk menambah, mengubahsuai atau membuang mana-mana Terma & Syarat dan mana-mana notis berkenaan dengan penambahan, pengubahsuaian atau pembuangan tersebut boleh dihantar sendiri, atau pos berdaftar/biasa ke alamat terakhir yang diketahui pihak Bank, atau mempamerkan notis di mana-mana premis Bank, atau melalui apa-apa kaedah yang difikirkan munasabah oleh pihak Bank. Bukti pengeposan atau penyerahan atau penampalan notis akan dianggap sebagai bukti penerimaan dan akan mengikat Pelanggan kecuali terdapat bukti sebaliknya bahawa komunikasi tersebut tidak disampaikan:*

- a) *If personally delivered, at the time of delivery; or / Sekiranya dihantar sendiri, pada masa penghantaran; atau*
- b) *If posted by registered or ordinary mail, on the seven (7) business day after mailing; or / Sekiranya secara pos berdaftar atau biasa, pada tujuh (7) hari bekerja setelah dipos; atau*
- c) *If displayed at the Bank's premises, on the effective date as stated in the notice / Sekiranya dipamerkan di premis Bank, pada tarikh kuatkuasa seperti yang dinyatakan pada notis tersebut.*
- d) *If displayed on the Bank's website, on the effective date as stated in the notice. / Sekiranya dipamerkan di laman sesawang Bank, pada tarikh kuatkuasa seperti yang dinyatakan pada notis tersebut.*

37.2 Such changes will apply on the effective date specified by BMMB and will apply to all outstanding balances in the Card Account. The Cardholder will be bound by such alterations and where the Cardholder is not in agreement with such alterations and amendments, the Cardholder may terminate the use of the Card by giving prior written notice to BMMB and return the Card by cutting across the magnetic stripe and chip ensuring it is completely damaged to BMMB immediately, whereupon the Principal Cardholder and the Supplementary Cardholder (if any) upon receipt by BMMB shall be duly cancelled. The Principal Cardholder and the Supplementary Cardholder (if any) shall also continue to be liable for all obligations incurred prior to such cancellation as well as for any and all antecedent breaches of this Agreement / *Perubahan*

sedemikian akan terpakai pada tarikh kuatkuasa yang ditentukan oleh BMMB dan akan dikenakan ke atas semua baki tertunggak dalam Akaun Kad. Pemegang Kad akan terikat dengan perubahan tersebut dan jika Pemegang Kad tidak bersetuju dengan perubahan dan pindaan tersebut, Pemegang Kad boleh menamatkan penggunaan Kad dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada BMMB dan mengembalikan Kad serta merta dengan memotong jalur magnet dan cip untuk memastikan ia benar-benar rosak kepada BMMB, yang mana Pemegang Kad Utama dan Pemegang Kad Tambahan (jika ada) apabila diterima oleh BMMB hendaklah terbatal dengan sewajarnya. Pemegang Kad Utama dan Pemegang Kad Tambahan (jika ada) juga akan terus bertanggungjawab untuk semua kewajipan yang ditanggung sebelum pembatalan tersebut dan juga untuk sebarang dan semua pelanggaran asal Perjanjian ini.

- 37.3 Retention or use of the Card after the effective date of any change of Terms and Conditions of this Agreement shall be deemed to constitute acceptance of such changes without reservation by the Cardholder. / *Pengekalan atau penggunaan Kad selepas tarikh berkuat kuasa bagi sebarang perubahan Terma dan Syarat Perjanjian ini akan dianggap sebagai penerimaan perubahan tersebut tanpa syarat oleh Pemegang Kad.*
- 37.4 In the event of any inconsistency between these Terms & Conditions with any brochures, marketing and promotional materials relating to the campaign or its promotion, these Terms & Conditions shall prevail. / *Sekiranya terdapat apa-apa perselisihan di antara Terma & Syarat ini dengan mana-mana risalah, material berkaitan pemasaran atau promosi berkaitan dengan kempen atau promosinya, Terma & Syarat ini akan diguna pakai.*
- 37.5 The Bank reserves the right to change any or all the above Terms & Conditions whenever deemed necessary by informing the Customers within twenty one (21) calendar days notice prior to the effective date of the new Terms & Conditions. / *Pihak Bank berhak untuk mengubah mana-mana atau semua Terma & Syarat di atas apabila difikirkan perlu dengan memaklumkan kepada Pelanggan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh berkuatkuasa Terma & Syarat baharu.*
- 37.6 The terms and conditions including the discretion rights and/or power given to any parties under this Terms & Conditions shall be subject to Shariah principles. / *Terma-terma dan syarat-syarat termasuk hak-hak budi bicara dan/atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah Terma & Syarat ini hendaklah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.*
- 37.7 In addition to other terms and conditions as set out in these Terms & Conditions, the Customer also hereby agree and consent to be bound by the General Terms & Conditions Governing Banking Accounts for Islamic Banking. / *Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat lain yang dinyatakan di dalam Terma & Syarat ini, Pelanggan juga dengan ini bersetuju dan memberi persetujuan untuk terikat dengan Terma & Syarat Umum yang mengawal Akaun Perbankan untuk Perbankan Islam.*

DISCLAIMER:/ PENAFIAN

Although the Bank will put in place reasonable safeguards, the Bank does not warrant that the online applications, instructions, transactions and/or interactions will be provided uninterrupted, free from any errors, computer viruses or other malicious, destructive or corruptive code, or that any defect will be corrected. / *Walaupun pihak Bank akan meletakkan perlindungan yang munasabah, namun pihak Bank tidak menjamin bahawa aplikasi, arahan, transaksi dan/atau interaksi dalam talian yang disediakan akan tidak diganggu, bebas daripada sebarang kesilapan, virus komputer atau hasad lain, kod pemusnahan atau pencemaran, atau sebarang kecacatan akan dibetulkan.*